

**HUBUNGAN DI ANTARA MATAPELAJARAN PROGRAM SARJANA  
PENDIDIKAN ( TEKNIKAL ) KUITTHO DAN TAHAP KECEKAPAN  
MENGAJAR, GRADUAN DI POLITEKNIK SHAH ALAM**

**NOOR AZIMAH BINTI ABDUL GHANI**

**Kajian kes ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah  
Sarjana Pendidikan ( Teknikal )**

**Falkuti Teknològi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknològi Tun Hussein Onn**

*Khas buat...*

*Insan yang dikasihi dan disayangi, suami dan emak yang banyak berkorban dan memberi dorongan serta semangat yang tidak ternilai harganya.*

*Tidak dilupakan juga kepada kak Ruzai sekeluarga, kak Na sekeluarga, kak Ta sekeluarga, kak Shah sekeluarga, dek Nor (saudara kembarku), Hasni, maksu, atuk, opah, makcik dan abang-abang yang banyak membantu dan memberi sokongan dan dorongan.*



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur hanya selayaknya ke hadrat Allah s.w.t dan selawat serta salam untuk junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w kerana dengan izinNya dapatlah saya menyiapkan penulisan kajian kes Sarjana Pendidikan ( Teknikal ) dengan sempurna. Setelah berhempas pulas menyiapkan kajian kes ini, banyak pengalaman dan ilmu baru mengenai dunia pendidikan yang saya perolehi. Ianya membantu saya untuk memperolehi maklumat mengenai sistem pendidikan yang berlaku khususnya di institutsi Politeknik. Walaupun pada mulanya saya merasakan bahawa kajian kes ini agak sukar untuk menyiapkannya tetapi berkat kesabaran dan tunjuk ajar yang diberikan oleh pembimbing dan penilai saya, maka akhirnya saya berjaya menyiapkan kajian kes ini.

Setinggi-tinggi penghargaan saya kepada Dr. Jailani Bin Mohd Yunus selaku pembimbing dan En. Mohd Noor Bin Hashim sebagai penilai dalam kajian ini. Segala bimbingan, tunjuk ajar serta pandangan yang bernas, dorongan dan nasihat yang begitu menyakinkan serta kesabaran dan kesediaan untuk berbincang amat dihargai dan disanjung tinggi. Semoga segala ilmu yang diberikan mendapat keberkatan dan balasan daripada Allah s.w.t jua.

Penghargaan ini juga saya tujukan kepada insan yang paling saya kasihi iaitu suami dan ibu saya serta ahli keluarga saya yang banyak berkorban dan menjadi pendorong yang kuat kepada saya di dalam memberikan semangat serta bantuan yang tidak ternilai harganya.

Penghargaan juga diberikan kepada pihak pentadbiran dan para pensyarah PSA dan sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung atau tidak langsung memberikan bantuan, kerjasama dan pandangan dalam menjayakan kajian ini.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur hanya selayaknya ke hadrat Allah s.w.t dan selawat serta salam untuk junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w kerana dengan izinNya dapatlah saya menyiapkan penulisan kajian kes Sarjana Pendidikan ( Teknikal ) dengan sempurna. Setelah berhempas pulas menyiapkan kajian kes ini, banyak pengalaman dan ilmu baru mengenai dunia pendidikan yang saya perolehi. Ianya membantu saya untuk memperoleh maklumat mengenai sistem pendidikan yang berlaku khususnya di institusi Politeknik. Walaupun pada mulanya saya merasakan bahawa kajian kes ini agak sukar untuk menyiapkannya tetapi berkat kesabaran dan tunjuk ajar yang diberikan oleh pembimbing dan penilai saya, maka akhirnya saya berjaya menyiapkan kajian kes ini.

Setinggi-tinggi penghargaan saya kepada Dr. Jailani Bin Mohd Yunus selaku pembimbing dan En. Mohd Noor Bin Hashim sebagai penilai dalam kajian ini. Segala bimbingan, tunjuk ajar serta pandangan yang bernas, dorongan dan nasihat yang begitu menyakinkan serta kesabaran dan kesediaan untuk berbincang amat dihargai dan disanjung tinggi. Semoga segala ilmu yang diberikan mendapat keberkatan dan balasan daripada Allah s.w.t jua.

Penghargaan ini juga saya tujukan kepada insan yang paling saya kasihi iaitu suami dan ibu saya serta ahli keluarga saya yang banyak berkorban dan menjadi pendorong yang kuat kepada saya di dalam memberikan semangat serta bantuan yang tidak ternilai harganya.

Penghargaan juga diberikan kepada pihak pentadbiran dan para pensyarah PSA dan sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung atau tidak langsung memberikan bantuan, kerjasama dan pandangan dalam menjayakan kajian ini.

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kepentingan matapelajaran ( Pedagogi dan Kaedah Mengajar Bidang Khusus ) yang ditawarkan di bawah program Sarjana Pendidikan ( Teknikal ) KUiTTHO dalam membantu tugas graduan sebagai pensyarah di Politeknik. Hubungan di antara aspek kefahaman konsep matapelajaran dan kekerapan penggunaan ilmu serta kemahiran tersebut akan memberi gambaran tahap kecekapan mengajar, graduan KUiTTHO di Politeknik Shah Alam ( PSA ). Seramai 80 responden terdiri daripada 32 orang pengajar lelaki dan 48 orang pengajar perempuan yang dijadikan sampel bagi mewakili pensyarah-pensyarah lulusan KUiTTHO. Responden terdiri daripada pensyarah dari bidang kejuruteraan, perdagangan, sains dan matematik dan lain-lain bahagian sokongan di PSA. Kajian kes ini berbentuk diskriptif iaitu menggunakan kaedah tinjauan sampel oleh penyelidik. Jenis alat pengukuran yang digunakan bagi pengumpulan data adalah borang soal selidik yang mengandungi soalan-soalan berkaitan dengan aspek kefahaman konsep matapelajaran yang dipelajari di KUiTTHO dan aspek kekerapan penggunaan konsep dan kemahiran tersebut di PSA. Penganalisan data menggunakan kaedah analisis statistik diskriptif dengan bantuan perisian SPSS. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan di antara matapelajaran dengan tahap kecekapan mengajar bagi graduan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di politeknik. Didapati tahap kefahaman konsep yang dipelajari mampu melahirkan pensyarah yang berkualiti dan cekap dalam melaksanakan tanggungjawabnya sebagai seorang pengajar. Ini adalah kerana kemahiran-kemahiran seperti merancang, mengajar, mengaplikasikan ABBM, pengukuhan, variasi rangsangan, dan menilai mampu melahirkan keberkesanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran apabila para pensyarah mengaplikasikan segala ilmu dan kemahiran tersebut dengan sebaik mungkin.

## ABSTRACT

This research is to recognize the importance of the subject (Pedagogy and Teaching Method in Specific Field), which offered under Master of Education program (Technical) KUiTTHO in supporting the job of each postgraduate as a lecturer in polytechnic. The relation between the aspect of understanding in subject concept and how frequent they apply all the knowledge and skill will describe the level of teaching skill of each post graduate from KUiTTHO at PSA. Questionnaires were distributed to respondents among engineering, commerce, science & mathematics lecturers including some other staff at PSA. All the analysis of data processing was conducted using the method of descriptive statistic analysis. The result of this research shows that the skill teaching on certain subject is related to each other, in teaching and learning process at polytechnic. From the result, it shows that the knowledge and skill of teaching will absolutely produce a more quality and excellent lecturer. However, all the skill such as making pland, teaching, application of ABBM, consolidation, stimulate variation and evaluating considered as the main criteria to build up the effectiveness in teaching and learning process when one can apply all the knowledge and skill properly.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Pengesahan Status Tesis	
	Halaman Judul	i
	Halaman Pengakuan	ii
	Halaman Dedikasi	iii
	Halaman Penghargaan	iv
	Abstrak	v
	Abstract	vi
	Jadual Kandungan	vii
	Senarai Jadual	x
	Senarai Rajah	xiii
<b>I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latarbelakang Masalah	3
	1.3 Penyataan Masalah	4
	1.4 Tujuan Kajian	4
	1.5 Soalan Kajian	5
	1.6 Kepentingan Kajian	6
	1.7 Batasan / Skop Kajian	7
	1.8 Definisi Istilah	7



P T T A U T H M

PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
<b>II</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	<b>9</b>
	2.1 Pendahuluan	9
	2.2 Kemahiran Merancang	11
	2.3 Kemahiran Menerang	12
	2.4 Pengaplikasian ABBM di bilik kuliah	13
	2.5 Kemahiran Variasi Rangsangan	15
	2.6 Kemahiran Pengukuhan	17
	2.7 Kemahiran Menilai	18
	2.8 Pendekatan Mengajar	21
<b>III</b>	<b>METADOLOGI</b>	<b>23</b>
	3.1 Pengenalan	23
	3.2 Rekabentuk Kajian	23
	3.3 Sampel Kajian	24
	3.4 Instrument Kajian	24
	3.5 Pengumpulan Data	25
	3.6 Analisis Data	25
<b>IV</b>	<b>ANALISIS DATA</b>	<b>26</b>
	4.1 Pengenalan	26
	4.2 <b>Bahagian I:</b> Maklumat Diri Responden	27
	4.3 <b>Bahagian II:</b> Kepentingan Matapelajaran ( Pedagogi dan Kaedah Mengajar Bidang Khusus) dengan Kekerapan Penggunaan Ilmu tersebut Di PSA.	30



	4.3.1 Kemahiran Merancang	31
	4.3.2 Kemahiran Menerang	33
	4.3.3 Kemahiran Pengaplikasian ABBM	36
	4.3.4 Kemahiran Variasi Rangsangan	39
	4.3.5 Kemahiran Pengukuhan	41
	4.3.6 Kemahiran Menilai	44
	4.3.7 Pendekatan Mengajar	46
	<b>4.4 Bahagian III: Ulasan Pendapat Mengenai Kurikulum dan Silibus Program Sarjana Pendidikan (Teknikal) KUiTTHO</b>	<b>49</b>
	4.4 Analisis Item Soalan	50
<b>V</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	<b>51</b>
	5.1 Kesimpulan	51
	5.2 Cadangan	53
<b>VI</b>	<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>54</b>
<b>VII</b>	<b>LAMPIRAN</b>	
	Graf Analisis Data	56
	Analisis Kebolehapercayaan Item	70
	Borang Soalselidik	74
	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Di PSA	
	Surat Kebenaran Mendapatkan Maklumat Kajian	
	Maklumat Graduan KUiTTHO	



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
4.1	Statistik diskriptif aspek kefahaman konsep matapelajaran bagi kemahiran merancang	31
4.2	Dapatan aspek kefahaman konsep matapelajaran bagi kemahiran merancang	31
4.3	Statistik diskriptif aspek kekerapan penggunaan konsep matapelajaran bagi kemahiran merancang	32
4.4	Dapatan aspek kekerapan konsep matapelajaran bagi kemahiran merancang	33
4.5	Statistik diskriptif aspek kefahaman konsep matapelajaran bagi kemahiran menerang	34
4.6	Dapatan aspek kefahaman konsep matapelajaran bagi kemahiran menerang	35
4.7	Statistik diskriptif aspek kekerapan penggunaan konsep matapelajaran bagi kemahiran menerang	35
4.8	Dapatan aspek kekerapan penggunaan konsep matapelajaran bagi kemahiran menerang	35

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
4.9	Statistik diskriptif aspek kefahaman konsep matapelajaran bagi kemahiran pengaplikasian ABBM	36
4.10	Dapatan aspek kefahaman konsep matapelajaran bagi kemahiran pengaplikasian ABBM	37
4.11	Statistik diskriptif aspek kekerapan penggunaan konsep matapelajaran bagi kemahiran pengaplikasian ABBM	37
4.12	Dapatan aspek kekerapan penggunaan konsep matapelajaran bagi kemahiran pengaplikasian ABBM	38
4.13	Statistik diskriptif aspek kefahaman konsep matapelajaran bagi kemahiran variasi rangsangan	39
4.14	Dapatan aspek kefahaman penggunaan konsep matapelajaran bagi kemahiran variasi rangsangan	40
4.15	Statistik diskriptif aspek kekerapan penggunaan konsep matapelajaran bagi kemahiran variasi rangsangan	41
4.16	Dapatan aspek kekerapan penggunaan konsep matapelajaran bagi kemahiran variasi rangsangan	41
4.17	Statistik diskriptif aspek kefahaman konsep matapelajaran bagi kemahiran pengukuhan	42
4.18	Dapatan aspek kefahaman konsep matapelajaran bagi kemahiran pengukuhan	43
4.19	Statistik diskriptif aspek kekerapan penggunaan konsep matapelajaran bagi kemahiran pengukuhan	43

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
4.20	Dapatan aspek kekerapan penggunaan konsep matapelajaran bagi kemahiran pengukuhan	43
4.21	Statistik diskriptif aspek kefahaman konsep matapelajaran bagi kemahiran menilai	44
4.22	Dapatan aspek kefahaman konsep matapelajaran bagi kemahiran menilai	45
4.23	Statistik diskriptif aspek kekerapan penggunaan konsep matapelajaran bagi kemahiran menilai	45
4.24	Dapatan aspek kekerapan penggunaan konsep matapelajaran bagi kemahiran menilai	46
4.25	Statistik diskriptif aspek kefahaman konsep matapelajaran bagi pendekatan mengajar	47
4.26	Dapatan aspek kefahaman konsep matapelajaran bagi pendekatan mengajar	47
4.27	Statistik diskriptif aspek kekerapan penggunaan konsep matapelajaran bagi pendekatan mengajar di PSA	48
4.28	Dapatan aspek kekerapan penggunaan konsep matapelajaran bagi pendekatan mengajar	48

## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
4.1	Maklumat Diri Responden Mengikut Jantina	28
4.2	Maklumat Diri Responden Mengikut Jabatan	28
4.3	Maklumat Diri Responden Mengikut Institusi Pengkajian Semasa Ijazah Pertama	29
4.4	Maklumat Diri Responden Mengikut Bangsa	29
4.5	Dapatan Aspek Kefahaman Konsep Matapelajaran Bagi kemahiran Merancang	56
4.6	Dapatan Aspek Kekerapan Penggunaan Konsep Matapelajaran Bagi kemahiran Merancang	57
4.7	Dapatan Aspek Kefahaman Konsep Matapelajaran Bagi kemahiran Menerang	58
4.8	Dapatan Aspek Kekerapan Penggunaan Konsep Matapelajaran Bagi Kemahiran Menerang	59
4.9	Dapatan Aspek Kefahaman Konsep Matapelajaran Bagi Kemahiran Pengaplikasian ABBM	60
4.10	Dapatan Aspek Kekerapan Penggunaan Konsep Matapelajaran Bagi Kemahiran Pengaplikasian ABBM	61
4.11	Dapatan Aspek Kefahaman Konsep Matapelajaran Bagi Kemahiran Variasi Rangsangan	62
4.12	Dapatan Aspek Kekerapan Penggunaan Konsep Matapelajaran Bagi Kemahiran Variasi Rangsangan	63

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
4.13	Dapatan Aspek Kefahaman Konsep Matapelajaran Bagi Kemahiran Pengukuhan	64
4.14	Dapatan Aspek Kekkerapan Penggunaan Konsep Matapelajaran Bagi Kemahiran Pengukuhan	65
4.15	Dapatan Aspek Kefahaman Konsep Matapelajaran Bagi Kemahiran Menilai	66
4.16	Dapatan Aspek Kekkerapan Penggunaan Konsep Matapelajaran Bagi Kemahiran Menilai	67
4.17	Dapatan Aspek Kefahaman Konsep Matapelajaran Bagi Pendekatan Mengajar	68
4.18	Dapatan Aspek Kekkerapan Penggunaan Konsep Matapelajaran Bagi Pendekatan Mengajar	69



## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Proses pengajaran dan pembelajaran di peringkat pusat pengajian tinggi adalah lebih menekankan tahap kualiti dan keberkesanan dalam proses penyampaian ilmu serta kemahiran. Tahap ini bukan sekadar merujuk kepada pendedahan tentang perkaedahan pengajaran kursus malah ia merujuk kepada ciri-ciri yang perlu ada pada seorang pendidik. Menurut Eble (1983) pensyarah yang berkesan dan berkualiti mempunyai identity seperti “humility, enthusiasm, flexibility, sensitivity, compassion, discipline, and commitment”.

Di samping itu, bakal-bakal pensyarah juga perlu mempunyai asas pengetahuan yang mencukupi dan pendekatan pengajaran yang berkesan supaya pemindahan ilmu dan kemahiran yang disampaikan boleh difahami oleh pelajar dengan mudah. Dengan erti kata lain, guru seharusnya menguasai pengetahuan mengenai konten pedagogi dan pengajaran mikro yang merupakan satu komponen penting dalam kurikulum dan silibus program pendidikan (Mok Soon Sang, 1993).

Atas alasan itu, satu kajian untuk mencari hubungkait di antara kepentingan matapelajaran (Pedagogi dan Kaedah mengajar bidang khusus) dan tahap kecekapan mengajar graduan program Sarjana Pendidikan (Teknikal) KUiTTHO di Politeknik telah dilakukan. Kajian ini juga menunjukkan bahawa seseorang pengajar yang berkesan dijangka dapat menjelmakan kemahiran dan konsep mata pelajaran tersebut dalam kerjaya mereka agar graduan yang dihasilkan mampu membuat keputusan kurikulum dalam proses pengajaran-pembelajaran mereka. Selain itu, pengkaji cuba untuk mendapatkan maklumbalas berhubung dengan silibus dalam program Sarjana Pendidikan (Teknikal) samada perlu pengubahsuaian ataupun tidak.

Ini adalah kerana keberkesanan program berkenaan dari segi kesannya kepada pencapaian matlamat dalam pendidikan kemahiran sangat memberi impak yang besar dalam corak pendidikan di institusi politeknik. Ini adalah kerana bakal pensyarah yang cuba dilahirkan akan mencerminkan kejayaan atau kegagalan program tersebut apabila mereka berada di alam pekerjaan yang sebenar. Di sini terujilah segala kemampuan serta kemahiran mereka dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang pendidik.

Atas alasan tersebut juga, kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti samada program Sarjana Pendidikan Teknikal yang dijalankan di KUiTTHO, mampu untuk mencapainya tahap keberkesanan program seiring dengan matlamatnya iaitu *untuk melahirkan dan melatih ahli teknologi dan profesional yang kreatif, inovatif, kompeten dan bertanggungjawab serta mampu mengaplikasi, meneroka dan menerajui teknologi baru melalui pengajaran dan penyelidikan bertaraf dunia yang bertunjangkan konsep Tauhid untuk kesejahteraan sejagat.*



## 1.2 Latarbelakang Masalah

Sepertimana yang kita sedari kemunculan beberapa buah lagi politeknik di seluruh Malaysia adalah merupakan petanda yang besar dalam era pendidikan teknik dan vokasional. Pernyataan ini telah dikukuhkan lagi dengan ucapan oleh Menteri Pendidikan Malaysia kita iaitu Y.B. Tan Sri Dato' Musa Bin Mohamad ( 20 Januari 2000 ) yang menyebut ... “ *Kementerian menyedari betapa pentingnya diadakan lebih banyak politeknik. Oleh itu Kementerian sedang merancang untuk menubuhkan 10 lagi politeknik menjadikannya 22 buah dalam masa 2 hingga 3 tahun akan datang. Konsep 'city polytechnic' yang menggunakan ruang-ruang sedia ada di bandar yang boleh disewa sedang dikaji untuk membolehkan lebih banyak politeknik ditubuhkan dalam masa yang terdekat* “. Ucapan beliau membuktikan bahawa pendidikan kemahiran teknik dan vokasional sangat diperlukan pada masa akan datang memandangkan keupayaan tenaga kerja daripada jurusan ini menyumbang kepada keupayaan perindustrian negara kita dan untuk membolehkan negara kita memperolehi *'the competitive edge'*.

Atas landasan inilah, peningkatan kualiti ilmu dan kemahiran para pendidik di politeknik khususnya perlu dipandang serius dalam melahirkan keperluan-keperluan industri negara. Oleh yang demikian, pihak yang bertanggungjawab dalam melahirkan bakal-bakal pensyarah dalam sistem pendidikan politeknik perlu sentiasa menyemak semula sistem dan pelaksanaan kurikulum yang mereka tawarkan khususnya dalam Program Sarjana Pendidikan ( Teknikal ) di KUiTTHO. Kerana pihak yang berwajib tersebut perlu melihat sejauh manakah keberkesanan program yang ditawarkan mampu diaplikasikan dalam sistem pendidikan politeknik serta dapat merealisasikan matlamat politeknik dalam ertikata yang sebenar.

Perkara ini juga perlu menitikberatkan soal pengubalan kurikulum baru politeknik yang sentiasa dirombak dan dinilai setiap lima tahun sekali serta

pengiktirafan kualiti dalam sistem pendidikan bertaraf dunia iaitu ISO 9002 yang telah dianugerahkan kepada beberapa buah politeknik Malaysia. Jika program Sarjana Pendidikan Teknikal khususnya yang telah dijalankan oleh KUiTTHO tidak mampu untuk memenuhi kriteria-kriteria penggunanya (pihak politeknik) maka, segala pelaksanaan kurikulum dan proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku sepanjang program tersebut sia-sia belaka. Di sinilah segala ilmu dan kemahiran setiap bakal pensyarah yang telah dilatih perlu diterapkan dan digunakan untuk menghadapi faktor-faktor tersebut dalam meningkatkan tahap profesionalisme mereka sebagai pendidik.

### **1.3 Penyataan Masalah**

Kajian ini bertujuan untuk *mengenalpasti adakah wujud hubungan di antara komponen matapelajaran asas pendidikan (pedagogi dan kaedah mengajar bidang khusus) dan tahap kecekapan mengajar graduan Sarjana Pendidikan Teknikal KUiTTHO di Politeknik.*

### **1.4 Tujuan Kajian**

Secara umum tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti pandangan graduan dari aspek hubungan di antara matapelajaran Program Sarjana Pendidikan Teknikal KUiTTHO dan sumbangan matapelajaran tersebut dalam mengisi keperluan profesyen pendidikan di Politeknik. Jika dilihat secara objektif khususnya ialah :-

- i. Untuk kenalpasti kepentingan matapelajaran yang ditawarkan di bawah program Sarjana Pendidikan Teknikal KUiTTTHO dalam membantu tugas mereka sebagai pensyarah di Politeknik.
- ii. Mengetahui sejauhmanakah kekerapan ilmu dan kemahiran tersebut digunakan di politeknik.
- iii. Mengenalpasti pandangan graduan mengenai kurikulum dan silibus program Sarjana Pendidikan (Teknikal) KUiTTTHO samada sesuai atau perlu diubahsuai mengikut keperluan semasa.
- iv. Mengenalpasti samada program Sarjana Pendidikan Teknikal ini berupaya melahirkan pensyarah politeknik yang berkualiti dan dapat meningkatkan tahap profesionalisme khususnya dalam pendidikan teknik dan vokasional.
- v. Menjadikan bahan makluman kepada pihak Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional untuk siri pengubahsuaian Program Sarjana Pendidikan Teknikal kepada Program Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional.

### 1.5 Soalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menjawab soalan-soalan yang berikut:

- A. Adakah terdapat hubungan di antara konsep dalam matapelajaran (pedagogi dan kaedah mengajar bidang khusus) dengan tahap kecekapan mengajar graduan di Politeknik?
- B. Adakah pelaksanaan kurikulum dalam program Sarjana Pendidikan (Teknikal) KUiTTTHO dapat menyediakan para graduan untuk

meningkatkan keupayaan profesionalisma dalam kepimpinan, pengurusan, pentadbiran dan pengajaran dalam bidang PTV di institut-institut pendidikan dan latihan teknikal?

### 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharap dapat dijadikan maklum balas terutamanya kepada pihak Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional, Falkuti Teknologi Kejuruteraan (KUiTTTHO) dalam memperbaiki dan meningkatkan tahap kualiti program Sarjana Pendidikan (Teknikal). Antaranya termasuklah membantu pihak yang terlibat dalam membuat keputusan dan mengenal pasti kelemahan program tersebut. Adalah diharapkan bahawa kajian ini dapat dijadikan sebagai satu garis panduan bagi pihak tertentu untuk menjalankan penilaian terhadap aspek yang sama atau yang berkaitan khususnya dalam meningkatkan kualiti profesionalisma graduan supaya lebih menepati kehendak semasa dalam profesion PTV di negara ini.

Hasil kajian ini juga boleh digunakan sebagai panduan untuk memantapkan lagi kurikulum dan silibus program Sarjana Pendidikan (Teknikal). Hal ini bersesuaian dengan usaha-usaha yang sedang diambil oleh pihak kolej ke arah penganugerahan kualiti MS ISO 9001 dan pengiktirafan sebagai salah sebuah Universiti yang dijangka pada 2005 kelak, disamping para pensyarahnya perlu bersedia menghadapi pelbagai perkembangan dalam kurikulum PTV dan era globalisasi dalam system pendidikan negara.

Akhir sekali, hasil kajian ini diharap akan menjadi satu sumbangan kepada Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia ke arah penentuan pencapaian objektif atau matlamat latihan tenaga pengajar khususnya di Politeknik seluruh Malaysia sepertimana yang dirangkakan.

## 1.7 Batasan/Skop Kajian

Kajian ini adalah tertumpu kepada tahap pengetahuan/konsep matapelajaran Pedagogi dan Kaedah mengajar bidang khusus dalam mengenalpasti huungkaitnya dengan kecekapan mengajar, graduan di Politeknik. Responden yang dipilih diandaikan telah didedahkan kepada semua konsep pengetahuan dan kemahiran dalam kedua-dua matapelajaran berkenaan semasa mengikuti program Sarjana Pendidikan (Teknikal) di KUiTTHO.

Kumpulan graduan yang menamatkan pengajian mereka dari tahun 1997 hingga 2000 dipilih sebagai sampel yang mewakili golongan graduan lulusan Sarjana Pendidikan Teknikal di KUiTTHO. Kajian ini hanya melibatkan Politeknik Shah Alam sahaja sebagai populasi kajian kerana

Analisis perbandingan persepsi pensyarah pelatih adalah berdasarkan jantina tetapi tidak berdasarkan kaum kerana peratusan graduan Sarjana Pendidikan Teknikal KUiTTHO kaum Melayu adalah jauh lebih tinggi berbanding dengan kaum-kaum lain.

## 1.8 Definisi Istilah

- i. **Pedagogi** diertikan sebagai ilmu pendidikan, prinsip dan amalan pengajaran atau seni mengajar.
- ii. **Graduan** diertikan sebagai pelajar(mahasiswa) yang menerima ijazah atau yang telah menamatkan pengajian mereka dalam program diploma/ijazah dan lain-lain

- iii. **Keccekapan** diertikan sebagai kemampuan, kebolehan melakukan sesuatu dengan cepat dan sempurna, kemahiran, kepandaian dan kepantasan membuat sesuatu.
- iv. **Profesionalisma** diertikan sebagai sifat-sifat (kemampuan, kemahiran, cara pelaksanaan sesuatu dll) sebagaimana yang sewajarnya terdapat pada seorang profesional.
- v. **Kualiti** diertikan sebagai ukuran mutu sesuatu perkara (lebih kepada kebaikan)



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## BAB II

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.1 Pendahuluan

Penyelidikan tentang pengetahuan konten guru menunjukkan bahawa pengetahuan konten mata pelajaran mempengaruhi amalan pengajaran di bilik darjah. Tanpa asas pengetahuan yang mencukupi dalam sesuatu bidang mata pelajaran, guru tidak dapat mengajar dengan berkesan (Wilson, Grossman & Shulman, 1989). Di samping asas pengetahuan konten yang mencukupi, pengajaran yang berkesan juga memerlukan guru menyampaikan pengetahuan tersebut dalam bentuk yang boleh difahami oleh murid. Dengan erti kata lain, guru seharusnya menguasai pengetahuan konten pedagogi. Pengetahuan konten merujuk kepada pengetahuan guru tentang konsep dan kaedah untuk disiplin/bidang tertentu manakala pengetahuan konten pedagogi merupakan ‘campuran’ di antara konten dan pedagogi untuk membentuk satu pemahaman tentang bagaimana sesuatu topik, masalah atau isu tertentu disusun, diwakili dan diadaptasikan dengan pelbagai minat dan kebolehan di kalangan murid dan dipersembahkan dalam bentuk pengajaran (Shulman, 1987:8).

Ilmu pedagogi merupakan satu disiplin yang amat ditekankan di bidang perguruan. Sebagai pendidik, guru perlu menguasai pelbagai kaedah pengajaran yang berkesan. Terdapat pelbagai kaedah pengajaran yang digunakan di institusi pengajian tinggi mahupun di peringkat sekolah seperti kaedah perbincangan, simulasi, projek, modul, main peranan, kuliah dan bermacam-macam lagi.

Manakala pengajaran mikro pula merupakan satu komponen penting dalam kurikulum dan silibus program perguruan ( Mok Soon Sang, 1994 ). Menurut Allen dan Ryan (1969) pula pengajaran mikro adalah satu konsep latihan yang boleh dipergunakan secara meluas bagi berbagai-bagai peringkat latihan dalam profesyen perguruan.. Pengajaran mikro sebenarnya menitikberatkan cara-cara guru pelatih diberi pengalaman dan kemahiran yang hampir sama dengan yang diperlukan dalam situasi-situasi sebenar berdasarkan teknik-teknik simulasi yang melibatkan kemahiran-kemahiran mengajar.

Terdapat beberapa aspek asas di dalam kandungan matapelajaran Pedagogi dan Kaedah mengajar bidang khusus ( pengajaran mikro ) yang perlu dititikberatkan dalam mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan di dalam bilik kuliah. Ia melibatkan beberapa kemahiran, antaranya:

- Kemahiran merancang
- Kemahiran mengajar
- Kemahiran pengaplikasian ABBM
- Kemahiran variasi rangsangan
- Kemahiran pengukuhan
- Kemahiran menilai
- Pendekatan mengajar



## BIBLIOGRAFI

Allen & Ryan 1969 merujuk Mok Soon Sang (1994). "Asas Pedagogi dalam Pengajaran-Pembelajaran" Terbitan pertama, Kumpulan Budiman Sdn. Bhd, Kuala Lumpur.

Atan Long (1982). "Pedagogi Kaedah Mengajar Am." Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn Bhd.

Cronin, T.E. (1999). "Excellence In Teaching." Whiteman College Webpage.

Eble, K.E. (1983). "The Aims of College Teaching." San Fransisco: Jossey-Bass.

Dr Wan Mohd Zahid Mohd Nordin (1995) oleh Kamarudin Bin Hj. Abu Hassan. "Keberkesanan Penggunaan Projektor Overhead Dalam Proses Pengajaran & Pembelajaran di Bilik Darjah." Melaka: Kajian Pendidikan Maktab Perempuan Melayu.

Ee, Ah Meng (1987). "Pedagogi Untuk Bakal Guru." Petaling Jaya: Fajar Bakti.

Kamarudin Hj.Husin (1988). "Pedagogi Bahasa." Longman Malaysia.Petaling Jaya.

Mok Soon Sang (1991). "Pedagogi 2: Strategi Pengajaran dan Pengajaran Mikro." Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.

Mok Soon Sang (1994). "Asas Pedagogi dalam Pengajaran-Pembelajaran" Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Prof Madya Dr. Aminah Ayob (2000). "Pendidik Cemerlang." Univesiti Sains Malaysia: Diges Pendidik.

Rashidi Azizan & Abdul Razak Habib (1995). "Pengajaran Dalam bilik Darjah: Kaedah dan Strategi." Kajang: Masa Enterprise.

Sharifah Alwiah Alsagoff (1983). "Ilmu Pendidikan." Kuala Lumpur: Pedagogi Heinemann Educational Books.

Shulman, L. S., (1987). "Knowledge and Teaching: Foundations of the New Reform." Harvard Educational Review, 57, 1-22.

Wilson, S. M., Shulman, L. S. & Richert, A. E., (1987). "150 different ways" of Knowing: Representations of Knowledge in Teaching." In H. Claderhead (Ed.), Exploring Teachers' Thinking, 104-124. Londong: Casell.

<http://mahirpph.tripod.com/strategi.htm>

<http://members.aol.com/nurandean/01/mesta3.htm>

<http://www.wanampar.gov.my/publications/Buku/BPA99/bab4a.pdf>

<http://www.ppl.kpm.my/spbsp/maitkurikulum>

<http://members.tripod.com/~nujahid/paper3.html>

<http://sekolabbestari.hypermart.net/pedagogi.htm>